

Berpegang pada al-Quran, sunah agar umat Islam hidup aman sejahtera

UM / 29.03.14 / 10 / A / PS

KANGAR 28 Mac - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menasihati umat Islam supaya berpegang teguh pada dua sumber yang ditinggalkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW iaitu al-Quran dan sunah.

Titah baginda, oleh sebab itu, umat Islam diwajibkan mempelajari kedua-dua sumber tersebut supaya dapat difahami dan digunakan dalam setiap gerak-geri dan tingkah laku seharian.

"Beta berharap umat Islam akan terus menghayati dan mempertingkatkan usaha mereka ke arah melaksanakan nilai-nilai murni dan akhlak mulia dalam kehidupan mereka dengan berteraskan kandungan al-Quran," titah baginda ketika merasmikan majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perlis di Dewan Warisan di sini malam tadi.

Yang berangkat hadir, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Azlan Man.



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (empat dari kiri) dan Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid bersama Tuanku Syed Falzuddin Putra Jamalullail (tiga dari kiri) dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil (dua dari kanan) dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Perlis di Kangar, Perlis, malam semalam. Turut kelihatan Azlan Man (dua dari kiri). -UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Titah baginda, masyarakat sesebuah negara yang menghayati dan mengamalkan ciri-ciri akhlak mulia

disarankan oleh al-Quran, akan hidup dalam keadaan aman dan sejahtera.

"Kita perlu sentiasa bersyukur dan memohon ke hadrat Allah supaya negara ini terus berada dalam

keadaan aman dan sejahtera serta dilindungi daripada bencana buruk," titah baginda.

Titah baginda, gejala-gejala sosial membimbangkan yang berlaku seperti merompak, membunuh, menagih dadah, wabak AIDS, penyalahgunaan kuasa dan wang, penderaan isteri dan anak-anak, budaya lepak dan pelbagai lagi keruntuhan akhlak adalah disebabkan lunturnya iman dalam hati seseorang.

"Gejala-gejala ini sekiranya tidak ditangani segera akan membawa padah yang buruk kepada negara," titah baginda.

Titah baginda, kekuatan, keamanan dan kemakmuran sesebuah negara terletak sebahagian besarnya kepada kemantapan dan keutuhan akhlak dimiliki oleh setiap individu.

Tambah baginda, tanpa akhlak yang baik, sesebuah masyarakat itu akan menjadi kucar-kacir, huru-hara dan rosak binasa.

Sementara itu, johan menunggu, Mohd. Mawardi Jamaludin dan Sarina Che Yahaya sekali lagi diumumkan juara yang akan mewakili Perlis ke Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan di Kuantan, Pahang pada 13 hingga 17 Mei ini.

Kedua-duanya menerima wang tunai RM5,000, pakej umrah, sijil, piala dan hadiah iringan.